

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Golongan pertengahan Bumiputera diperkasa bina perniagaan

Golongan pertengahan Bumiputera diperkasa bina perniagaan

Kerajaan akan memberi tumpuan khusus kepada usaha pemerkasaan dan pengupayaan golongan pertengahan Bumiputera melalui pelbagai langkah yang sedang digerakkan dan diteliti, termasuk mengurangkan keberuntungan kelompok itu kepada pekerjaan bergaji.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata bagi tujuan itu, hala tuju golongan Bumiputera perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

"Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha pemerkasaan dan pengupayaan golongan pertengahan Bumiputera yang mampu mencipta nilai kepada ekonomi dengan membina perniagaan dan meningkatkan pendapatan berbanding hanya menambah nilai.

"Melaluinya, (dapat meningkatkan) lebih banyak penyertaan kelas menengah Bumiputera, dengan cara membina perniagaan dan meningkatkan pendapatan berbanding seperti sebelum ini hanya menambah nilai atau bergantung harap kepada pekerjaan bergaji tetap semata-mata," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) yang bertanya apakah hala tuju dan pendekatan baharu yang sedang dirangka kerajaan hasil daripada penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) dalam usaha melonjakkan tahap sosio ekonomi Bumiputera.

Mengulas lanjut komitmen kerajaan bagi memperkasakan ekonomi Bumiputera, Rafizi berkata, penyertaan golongan berkenaan dalam pelbagai bidang dan sektor juga turut diberi perhatian.

"(Usaha ini termasuk mengukuhkan daya saing dalam pelbagai bidang dan sektor, meningkatkan penskalaan, membangunkan bakat, meningkatkan pendapatan dan menoktahkan kemiskinan tegar.

"Selain itu, fokus turut diberikan kepada penghayatan dan falsafah Bumiputera, pengukuhan penyampaian perkhidmatan dan peningkatan penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC)," katanya.

Katanya, pelan jangka panjang dinamakan Agenda Baharu Pemerkasaan Bumiputera akan dilancarkan Jun, hasil inti pati yang dibincangkan sepanjang KEB 2024 menjadi hala tuju melonjakkan tahap sosioekonomi Bumiputera.